

06/11/1998

Firma korporat perlu bantu jaya Apec

Hatipah Ahmad

SYARIKAT korporat tempatan disaran menyumbang lebih banyak dalam bentuk tunai atau tajaan lain bagi membantu kerajaan menjayakan sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang akan berlangsung di Kuala Lumpur, minggu depan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata setakat ini sektor swasta sudah menyumbang RM2.6 juta kepada kerajaan dengan menaja beberapa majlis tertentu sempena mesyuarat itu, kelak.

Menurutnya, sumbangan korporat kepada mesyuarat Apec dapat mengurangkan beban kerajaan dan ia mendapat pengecualian cukai di samping memberi perkhidmatan lebih baik dan memuaskan kepada peserta.

Antara yang memberi sumbangan termasuk Kumpulan DRB-Hicom yang menyediakan 254 unit kereta Proton, 128 koc bas Intrakota serta dua bas VIP untuk tetamu kehormat bagi kegunaan pengangkutan pemimpin, pegawai dan peserta Apec '98.

Semua kereta itu adalah dari pelbagai jenis model seperti Proton Perdana Limosin, Eksekutif, Standard dan Proton Wira yang kalis peluru serta dilengkapi spesifikasi istimewa.

Selain itu, kata Rafidah, beberapa syarikat korporat lain tampil memberi sumbangan seperti Petronas yang menaja majlis makan malam untuk meraikan peserta Apec manakala Shell Malaysia menyediakan minyak bagi kemudahan pengangkutan serta logistik mesyuarat.

"Perbelanjaan yang diperuntukkan kerajaan untuk menjayakan mesyuarat itu ialah RM26 juta dan setakat ini, kementerian sudah menerima penajaan daripada sektor swasta berjumlah RM2.6 juta."

"Walaupun sumbangan itu kecil jika dibandingkan dengan jumlah tajaan sektor swasta bagi mesyuarat Apec di Kanada tahun lalu iaitu RM30 juta tetapi kami yakin dapat menjayakan mesyuarat kali ini dengan baik."

"Ini kerana kerajaan menerima kerjasama menggalakkan daripada semua pihak dan mereka bersedia menyumbang walaupun secara sukarela demi menjayakan mesyuarat penting dunia itu," katanya pada majlis menerima sumbangan syarikat korporat untuk sidang Apec di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir ialah Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom, Tan Sri Mohd Saleh Sulong.

Sebanyak 32 syarikat korporat menyumbang untuk menjayakan mesyuarat Apec. Antaranya ialah Binariang Bhd, Penerbangan Malaysia, Sime Darby Bhd dan Telekom Malaysia Bhd.

Rafidah juga berkata, kementerian sudah menubuhkan sebuah syarikat bagi mengendalikan sumbangan syarikat korporat yang dibuat dalam bentuk tunai.

Katanya, selain sidang kemuncak ketua negara Apec, mesyuarat Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) turut menerima sumbangan sektor swasta.

Sementara itu, Rafidah berkata, beliau dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat Cyberjaya hujung minggu ini untuk melihat persiapan terakhir dari segi logistik.

Cyberjaya ialah tempat beriadah bagi peserta Apec termasuk ketua negara dan peserta lain.

(END)